



**HEBAHAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMUTIHAN STRUKTUR PAPAN
IKLAN LUARAN DALAM KAWASAN
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

DASAR PELAKSANAAN PROGRAM PEMUTIHAN STRUKTUR PAPAN IKLAN LUARAN DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

1. PENGENALAN

1.1 Latar belakang

Penyelesaian isu berkaitan struktur papan iklan luaran yang telah didirikan tanpa kelulusan telah dilaksanakan sejak tahun 2008. Pemilik struktur dikehendaki mengemukakan permohonan kelulusan pelan Kebenaran Merancang dan Permit Struktur. Namun demikian, tiada sebarang permohonan dikemukakan. Pemilik struktur hanya menjelaskan bayaran permit struktur dan bayaran lesen visual sahaja.

Masalah dikenalpasti apabila tunggakan bayaran permit struktur semakin meningkat sejak tahun 2020, dan pihak MPKL tidak dapat mengenakan sebarang tindakan berkaitan kutipan tunggakan bayaran permit struktur berikutan ketiadaan kelulusan pelan. Beberapa siri mesyuarat telah dilaksanakan bagi membincangkan isu dan penyelesaian berkaitan struktur papan iklan luaran tersebut.

1.2 Kelulusan pelaksanaan Program Pemutihan Struktur Papan Iklan Luaran Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kuala Langat.

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil 07/2022 pada 12 Julai 2022 telah meluluskan kertas kerja pelaksanaan **Program Pemutihan Struktur Papan Iklan Luaran** dan **Garis Panduan Permohonan Struktur Papan Iklan luaran** di kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Langat.

1.3 Tempoh Program Pemutihan

Pelaksanaan program pemutihan ini adalah untuk tempoh **tiga tahun** bermula **Julai 2022** dan akan tamat pada **31 Julai 2025**. Pelanjutan tempoh pelaksanaan program pemutihan ini adalah tertakluk kepada pengemukaan permohonan oleh pemilik struktur.

1.4 Tujuan

- i. Memastikan semua struktur papan iklan luaran dalam kawasan pentadbiran MPKL mempunyai Kelulusan Kebenaran Merancang dan Kelulusan Permit Struktur.
- ii. Memastikan struktur papan iklan luaran yang dibina mematuhi Garis Panduan yang telah ditetapkan.
- iii. Menguatkuasakan tindakan peruntukan Akta berkaitan ke atas binaan struktur papan iklan luaran tanpa kebenaran.

2. KAEDAH PENGEMUKAAN PERMOHONAN

- 3.1 Permohonan kelulusan Kebenaran Merancang dan Permit Struktur papan iklan luaran dikemukakan **secara SERENTAK** ke **Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Kawalan Bangunan, MPKL**. (*Permohonan di bawah program pemutihan struktur papan iklan luaran tidak melalui Manual Prosedur OSC 3.0*)
- 3.2 Pemohon dikehendaki melengkapkan senarai semak dan keperluan perincian pelan mengikut senarai semak yang disediakan. **(sila rujuk Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Kawalan Bangunan)**
- 3.3 Orang yang mengemukakan permohonan :
- i. **Permohonan Kebenaran Merancang**
Hendaklah dikemukakan oleh Perunding Perancang Bandar Bertauliah.
 - ii. **Permohonan permit struktur**
Orang yang mengemukakan permohonan termasuk arkitek, jurutera atau pelukis pelan bangunan yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan pendaftarannya.
 - iii. **Surat Wakil**
Hendaklah disediakan semasa pengemukakan permohonan iaitu perakuan daripada profesional (yang memperakukan pelan) menyatakan beliau bertanggungjawab (akuan bersumpah) dengan mewakilkan orang lain untuk mengemukakan permohonan.

3. BAYARAN BERKAITAN PERMOHONAN


- i. Fee proses kebenaran Merancang : **RM200.00/ mukaan**
- ii. Fee proses permit struktur : **RM250.00/ permohonan**
- iii. Fee Permit struktur (tahunan) & Cagaran :

| Jenis Struktur | Fee permit | Cagaran |
|-------------------------------------|-------------|-------------|
| Billboard | RM3,000.00 | RM5,000.00 |
| Unipole, Twin Pole, Gantry, Parapet | RM10,000.00 | RM18,000.00 |

- iv. Gandaan pelan : **Dikecualikan**

*Struktur papan iklan sedia ada yang melebihi 10 tahun serta tersenarai dalam senarai program pemutihan papan iklan **tiada** **kenaan gandaan.***

4. CARTA ALIR PERMOHONAN STRUKTUR PAPAN IKLAN DI BAWAH PROGRAM PEMUTIHAN PAPAN IKLAN LUARAN.



5. PERMOHONAN LESEN VISUAL

Permohonan hendaklah dikemukakan ke Jabatan Pelesenan, MPKL beserta borang dan dokumen-dokumen yang diperlukan serta menjelaskan bayaran-bayaran yang ditetapkan.

6.1 Lesen Sementara

Pemberian lesen sementara diberikan untuk tempoh 6 bulan, disamping pematuhan syarat-syarat kelulusan Kebenaran Merancang dan Permit Struktur.

Dokumen sokongan semasa pengemukakan permohonan lesen sementara yang perlu dikemukakan oleh pemilik struktur adalah seperti berikut :

- i. Mengemukakan bukti penerimaan pengemukakan permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Struktur.
- ii. Sekiranya struktur tapak melibatkan sewaan tapak di bawah Lesen Pendudukan Sementara (LPS) MPKL, pemilik struktur perlu mengemukakan salinan resit pembayaran tapak yang telah dijelaskan.

Jabatan Pelesenan dikehendaki menyediakan memo kepada Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Kawalan Bangunan bagi tujuan semakan dan pengesahan berkaitan pengemukakan permohonan Kebenaran Merancang dan Permit Struktur telah dikemukakan oleh pemilik struktur.

6.2 Lesen tahunan

Jabatan Pelesenan akan memberikan lesen secara tahunan apabila kelulusan Kebenaran Merancang dan Permit Struktur telah diluluskan dan telah dikemukakan oleh pemilik struktur.

6.3 Bayaran berkaitan permohonan lesen iklan/ visual

Bayaran proses : Merujuk kepada kenaaan yang ditetapkan oleh JPL

Borang komposit : Merujuk kepada kenaaan yang ditetapkan oleh JPL

Bayaran lesen visual : Merujuk kepada SPBT BIL. 1/2016 : Garis Panduan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Papan Iklan di Luar Fasad Bangunan di Negeri Selangor.

6.4 Orang yang mengemukakan permohonan.

Permohonan lesen iklan hendaklah dibuat oleh syarikat pengiklan (pemilik struktur binaan iklan).

| BIL | SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN VISUAL/ IKLAN |
|-----|---|
| 1. | Butiran nama, alamat syarikat dan pendaftaran syarikat |
| 2. | Salinan kad pengenalan |
| 3. | Gambar pemohon |
| 4. | Salinan dokumen perjanjian sewa bangunan/ tanah |
| 5. | Butiran jenis perniagaan. |
| 6. | Visual dan pengesahan DBP |
| 7. | Tujuan iklan |
| 8. | Tiga set pelan lakar saiz minima A3 menunjukkan kedudukan tapak, pandangan hadapan dan sisi serta butir-butir terperinci iklan. |
| 9. | Empat salinan pelan struktur yang diperakukan jurutera awam/jurutera struktur. |
| 10. | Gambar kedudukan iklan. |
| 11. | Maklumat papan tanda iklan (bilangan, mukaan, cara dipamerkan, nama dan butiran kontraktor iklan. |
| 12. | Salinan surat dan pelan kebenaran merancang. |
| 13. | Salinan surat kelulusan dan struktur papan iklan. |

Nota :

- i. Sebarang cadangan menukarkan visual juga hendaklah dikemukakan ke Jabatan Pelesenan MPKL untuk kelulusan.
- ii. Bagi tempoh ketiadaan visual dipasang, MPKL berhak menggunakan ruang iklan bagi menyampaikan mesej sivik yang akan ditetapkan oleh MPKL.

6. BAYARAN SEWAAN TAPAK BAGI PAPARAN IKLAN DI ATAS TANAH LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA

Kenaan bayaran sewaan tapak yang ditetapkan oleh MPKL secara *Fixed Rate* seperti berikut :

| TEMPOH SEWAAN | ASAS KIRAAN | CONTOH KIRAAN |
|-------------------------|--|--|
| Sewaan tapak (12 bulan) | Saiz muakaan (kaki persegi) x unit x RM3.50 x 12 bulan | Contoh kiraan : Saiz struktur (40 kaki x 10kaki) 40 kaki x 10 kaki = 400 kaki persegi 400 kaki persegi x 1 unit x RM3.50 x 12 bulan = RM16,800.00 (bayaran sewaan tapak) |

Nota : Sila rujuk Jabatan Perbendaharaan untuk maklumat lanjut.

8.0 DOKUMEN PERJANJIAN SEWAAN

- i. Pemilik struktur papan iklan di atas tanah LPS (MPKL) **DIWAJIBKAN** menandatangani perjanjian dengan pihak MPKL.
- ii. Tempoh sah perjanjian adalah mengikut tempoh kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (LPS).
- iii. Dokumen Perjanjian disediakan oleh Unit Perundangan, MPKL.
- iv. Semua dokumen yang dinyatakan dalam Dokumen Perjanjian hendaklah yang terkini sehingga tamat kontrak.

| BIL | SENARAI SEMAK PENYEDIAAN PERJANJIAN PAPARAN IKLAN LUARAN |
|-----|---|
| 1. | Perakuan Pendaftaran Syarikat (Borang D) Perakuan Pembaharuan. |
| 2. | Senarai pemilik saham syarikat/ firma (Borang 24). |
| 3. | Senarai Pengarah & Setiausaha syarikat (Borang 49). |
| 4. | Perakuan Perbadanan Syarikat Sdn. Bhd. |
| 5. | Memorandum & Article Association. |
| 6. | Butiran alamat Syarikat/ Firma berdaftar & pertukaran alamat syarikat/ firma (Borang 44). |
| 7. | Resolusi Syarikat/ firma. |
| 8. | Salinan kad pengenalan pemilik / pengarah (2 orang). |
| 9. | Minit mesyuarat Jawankuasa Majlis. |
| 10. | Minit Mesyuarat Majlis (Mesyuarat MPKL). |
| 11. | Surat kelulusan dan pelan Kebenaran Merancang. |
| 12. | Salinan bil proses Kebenaran Merancang. |
| 13. | Salinan bil bayaran sewaan tapak. |
| 14. | Pelan Juru Ukur yang disahkan oleh Juru Ukur Bertauliah berwarna bersaiz A1 (3 set) |
| 15. | Surat kelulusan dan pelan permit struktur paparan iklan |
| 16. | Salinan fee permit struktur paparan iklan |
| 17. | Salinan lesen |
| 18. | Lain-lain dokumen tambahan |

9.0 TEMPOH KELULUSAN PERMIT

- a. Kelulusan Permit Sementara struktur adalah secara tahunan dan perlu dibaharui setiap tahun sebelum 1 Januari. Pemilik struktur dikehendaki mengemukakan permohonan membaharui kelulusan sebelum tamat tempoh kelulusan atau selewat-lewatnya pada bulan November pada setiap tahun.
- b. Kelulusan lanjutan tempoh permit untuk tahun berikutnya dibuat di peringkat pentadbiran sahaja.
- c. Kenaan **DENDA LEWAT** sebanyak **2%** daripada bayaran permit tahunan akan dikenakan bagi permohonan pembaharuan permit yang diterima selepas 31 Mac.

10.0 INSENTIF DI BAWAH PROGRAM PEMUTIHAN

- a) Tawaran diskaun bayaran sewaan tapak dengan merujuk kepada Jabatan Perbendaharaan bagi struktur sedia ada di atas tapak Lesen Pendudukan Sementara (LPS).
- b) Tawaran diskaun 50% pembayaran permit struktur daripada jumlah keseluruhan tunggakan tahun sebelum tahun 2023.